

**PENDEKATAN INTERAKTIF DALAM PROSES PENGAJARAN BAHASA
MELAYU DI SEKOLAH**
***[INTERACTIVE APPROACH IN TEACHING OF MALAY LANGUAGE AT
SCHOOL]***

Mahzan Arshad & Fadzilah Bt. Amzah*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*mahzan@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan isu yang berkaitan proses pengajaran bahasa Melayu ke arah pendekatan yang berinteraktif dan penggunaan teknologi yang boleh membantu murid mencapai tahap keupayaan bahasa yang baik apabila mereka tamat sekolah. Makalah ini bertujuan memberikan panduan yang umum kepada bakal pendidik atau pendidik yang sedang menjalankan tugas sebagai guru bahasa, khususnya guru mata pelajaran Bahasa Melayu tentang konsep pendekatan interaktif yang boleh digunakan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan berfikir murid mereka. Pada awal makalah ini, penulis membincangkan pendekatan literasi bahasa Melayu bersepadu dan beberapa prinsip asas dalam pengajaran bahasa yang berteraskan kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian seterusnya penulis memperkenalkan pendekatan interaktif yang berasaskan teori komunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian akhirnya penulis membincangkan pelbagai

teknik yang boleh digunakan bagi menjalankan pengajaran berasaskan pendekatan ini.

Kata Kunci: Pendekatan interaktif, pendekatan bersepadu, pengajaran Bahasa Melayu, kemahiran komunikasi, penggunaan teknologi maklumat,

ABSTRACT

This paper discusses issues related to the process of teaching the Malay language for a more interactive and technologydriven approach in order to help students achieve better acquisition and use of language once they finish schooling. This paper serves as a general guidance for trainee teachers or teachers teaching language, especially the Malay language. It offers a guideline in using an interactive approach to increase their students' communication and thinking skills. At the beginning part of this paper, the writer discusses the holistic Malay language literary approach and a few major principles in the teaching of language founded on communication and critical thinking skills. Next, the writer introduces the interactive approach based on communication and critical thinking theory. Finally, the writer discusses various techniques that are applicable for teaching using the approach mentioned.

Keywords: Interactive approach, Holistic approach, Teaching the Malay language, Communication skills, Technology-driven approach.,

PENGENALAN

Pendekatan dalam proses pengajaran bahasa perlu kepada satu perubahan yang besar bagi menangani cabaran akibat gelombang penggunaan teknologi yang canggih pada abad ke-21 ini. Bahasa diajar di sekolah pada alaf baharu ini bukan sahaja sebagai satu mata pelajaran yang diwajibkan di semua sekolah, malah

kemahiran bahasa yang diperolehi di sekolah boleh dijadikan alat yang amat berguna bagi meneroka ilmu pengetahuan, memperoleh kemahiran dan pengalaman baharu untuk menghadapi dunia pendidikan lanjutan dan alam pekerjaan apabila mereka tamat sekolah kelak. Oleh yang demikian, pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa perlulah disesuaikan dengan perkembangan yang berlaku dalam kehidupan harian murid-murid pada masa ini.

Di sekolah, tujuan mata pelajaran bahasa diajar bukan sahaja sebagai satu syarat yang dikenakan bagi memperoleh sijil dalam peperiksaan awam, tetapi juga dijadikan sebagai bekalan bagi murid mendapatkan kemahiran untuk berkomunikasi, berfikir, dan meluahkan pendapat dan perasaan mereka secara berkesan. Banyak kritikan yang dilakukan oleh majikan terhadap bakal pekerja yang ditemuduga oleh mereka kerana ramai para pemohon pekerjaan ini tidak mempunyai kemahiran berinteraksi secara berkesan sama ada secara lisan dan bertulis akibat kekurangan latihan dalam bidang komunikasi dan berfikir secara kritikal ketika mereka berada di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Makalah ini akan membincangkan isu yang berkaitan proses pengajaran bahasa Melayu yang menuju ke arah pendekatan yang berinteraktif dan penggunaan teknologi yang boleh membantu murid mencapai tahap keupayaan bahasa yang baik apabila mereka tamat sekolah.

Makalah ini bertujuan memberikan panduan yang umum kepada bakal pendidik atau pendidik yang sedang menjalankan tugas sebagai guru bahasa, khususnya guru mata pelajaran Bahasa Melayu tentang konsep pendekatan interaktif yang boleh digunakan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan berfikir murid mereka. Pada awal makalah ini, penulis akan membincangkan pendekatan literasi Bahasa Melayu bersepadu dan beberapa prinsip asas dalam pengajaran bahasa yang berteraskan kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian seterusnya penulis akan memperkenalkan pendekatan interaktif yang berasaskan teori komunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian akhirnya penulis akan membincangkan pelbagai teknik yang boleh digunakan bagi menjalankan pengajaran berasaskan

pendekatan ini. Diharapkan pendedahan yang diberikan dalam makalah terhadap pendekatan interaktif dapat dijadikan panduan kepada para pendidik bahasa bagi meningkatkan kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritikal dalam kalangan murid mereka.

Pengajaran literasi Bahasa Melayu secara bersepadu

Keupayaan berbahasa pada tahap yang tinggi merangkumi kelimalima kemahiran berbahasa atau disebut juga sebagai kemahiran literasi iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir. Pengajaran bahasa Melayu di sekolah pada masa ini perlulah dijadikan landasan bagi memperkukuhkan kelimalima kemahiran tersebut bagi melengkapkan diri mereka untuk menghadapi kehidupan yang lebih berencam sifatnya pada masa akan datang. Keupayaan bahasa para remaja yang telah tamat persekolahan menengah haruslah melampaui keupayaan membaca dan menulis pada tahap mengenal huruf dan dapat menulis format karangan yang dikhususkan dalam sukatan pelajaran dengan menggunakan bahasa yang betul semata-mata.

Satu tahap kemahiran literasi bahasa yang melampaui kemahiran asas diperlukan bagi menjadikan kemahiran membaca dan menulis melengkap keupayaan berfungsi dan berfikir pada tahap yang tinggi yang menjadikan mereka berkeupayaan membuat keputusan, menyelesaikan masalah, menerima dan memberi arahan, membuat telahan dan andaian, membuat penilaian, dan sebagainya. Dalam menghadapi cabaran pembangunan sains dan teknologi serta pembangunan sumber manusia yang bersesuaian dengan keperluan pekerja berpengetahuan pada masa ini, kemahiran berbahasa Melayu haruslah bukan sahaja dilengkapi dengan pengetahuan menjawab soalan kefahaman dan memahami teks tertentu semata-mata, tetapi pelajar bahasa Melayu haruslah dilengkapi dengan pelbagai kemahiran bertambah nilai seperti kemahiran menganalisis, membuat sintesis, menilai, mengaplikasi, menghayati, mengkritik,

berkreatif, berimajinasi, membina grafik, dan berupaya mengkaji, merujuk, dan melakukan intertekstualiti.

Kemahiran tersebut di atas memerlukan sistem pendidikan bahasa Melayu yang tidak terhad hanya kepada membaca, memahami, serta menulis semata-mata bagi mengukur keupayaan menjawab soalan kefahaman dan menulis karangan seminggu sekali, tetapi murid literasi Bahasa Melayu masa ini perlu mempunyai ketrampilan menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang pengetahuan, mengumpul dan menganalisis data, membuat rujukan, menyimpan jurnal, menghayati bahan sastera dan berkreatif dengannya, mempunyai imaginasi yang tinggi dalam penciptaan, berani mencuba dan menduga, berani melakukan kesalahan dan membuat perubahan serta sentiasa melakukan penambahbaikan dalam proses pembelajaran. Tahap literasi sebenar pada peringkat ini semakin meningkat selaras dengan peredaran masa dan meningkatnya kemajuan masyarakat menggunakan bahan bercetak dan sumber maklumat pelbagai media. Semakin maju sesebuah masyarakat, semakin tinggi mutu dan kepelbagaian tahap literasi bahasa tersebut diperlukan.

Kegiatan literasi, iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir dalam sesuatu bahasa ialah satu proses membina makna (Brozo, 1999). Makna dibina menerusi interaksi antara seseorang individu dengan teks serta konteks persekitaran yang dialaminya. Makna yang dihasilkan daripada proses ini berkait dengan minat, budaya, pengetahuan latar, kemahiran, strategi, motivasi, jenis teks, suasana persekitaran, pelbagai aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta beberapa faktor lain yang berkaitan. Kecelikan literasi memberi peluang kepada seseorang individu menikmati dan menghargai keupayaan dirinya untuk berinteraksi dengan orang yang lain, dengan teks, dan dengan suasana persekitarannya. Pendekatan untuk memberikan peluang kepada para murid untuk terlibat dalam aktiviti literasi yang aktif ini perlu kerap dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah dan menengah di negara kita secara interaktif dan menggunakan teknologi yang bersesuaian dengan pendedahan yang diperolehi murid di luar bilik darjah.

Pendekatan pengajaran literasi bahasa yang memisahkan pelbagai kemahiran berbahasa akan mengakibatkan para murid tidak mempunyai kecekapan berbahasa yang bersepadu. Hal yang demikian ini bermakna mereka tidak dapat menguasai literasi untuk berfungsi dengan sepenuhnya. Literasi berfungsi bermaksud kemampuan seseorang menggunakan set minda untuk memanfaatkan kemampuan mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir dalam kehidupan hariannya dengan lebih bermakna. Hal yang demikian ini juga bermaksud sekiranya seseorang itu dapat membaca atau menyebut pelbagai huruf dalam bentuk yang dikenalnya, tetapi tidak dapat memberikan manfaat dalam pembacaannya, proses literasi berfungsi masih tidak berlaku.

Gejala ini juga jelas dapat dilihat dalam situasi seseorang yang dapat membaca dan menulis dengan baik dalam sesuatu bahasa, tetapi penguasaan tersebut hanya terhad kepada keupayaan menjawab soalan-soalan peperiksaan dan melaksanakan tugas yang berkaitan penilaian secara sumatif. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis tersebut perlu dilengkapi dengan bagi tiga lagi kemahiran yang penting, iaitu kemahiran mendengar dengan berkesan, bertutur dengan lancar, dan berfikir secara kritis dan kreatif. Sebagai contoh, ramai kalangan murid kita yang mendapat gred yang baik dalam keputusan peperiksaan awam dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, tetapi tidak ramai yang berkeupayaan menggunakan kemahiran yang perolehi untuk meningkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Pengaruh bahasa asing dan bahasa kolokial lebih kukuh dalam penggunaan bahasa para remaja dan masyarakat dewasa umumnya di negara kita hari ini. Hal yang demikian ini adalah akibat daripada kegagalan kita dalam menggunakan pendekatan mengajar kemahiran berbahasa yang lebih bersepadu dan berinteraktif.

Prinsip Pengajaran Bahasa

Pengajaran bahasa dilakukan berdasarkan beberapa prinsip asas yang diperlukan oleh sesebuah institusi pendidikan sebelum

mereka memulakan program pengajaran bahasa di bilik darjah. Prinsip asas ini akan menjadi panduan bagi institusi tersebut merangka kurikulum bahasa yang difikirkan sesuai bagi kumpulan sasaran. Terdapat beberapa prinsip asas yang menjadi landasan sesuatu program bahasa yang ingin dijalankan. Memahami prinsip ini akan menjadikan perancang kurikulum bahasa tersebut lebih mudah memilih kandungan yang sesuai dengan pendekatan yang menjadi asas kepada pengajaran, memahami keperluan pelajar atau sesuatu kumpulan sasar, dan menjalankan penilaian yang lebih berkesan terhadap kumpulan sasar tersebut. Terdapat tiga kumpulan prinsip asas dalam pengajaran bahasa, iaitu prinsip kognitif, prinsip afektif, dan prinsip linguistik (Brown, 1994).

1. Prinsip Kognitif

a) Prinsip automatisiti

Tiada sesiapa pun yang boleh mempertikaikan tentang penguasaan bahasa yang diperolehi secara automatik. Jika kita membiarkan A hidup dalam satu kumpulan manusia yang bertutur dalam bahasa yang berlainan daripada bahasa pertuturannya, dalam masa yang singkat, maka si A akan dapat menguasai bahasa kumpulan manusia yang berada di sekitarnya tanpa perlu belajar secara formal atau pergi ke kelas bahasa bagi menguasai bahasa tersebut. Bagi mudah memahami fenomena ini ialah manusia perlukan perhubungan bagi meneruskan kehidupan. Si A perlu memahami bahasa yang dipertuturkan oleh kumpulan masyarakat di sekitarnya menerusi pendedahan tidak langsung atau secara induktif terhadap input bahasa yang baharu baginya. Proses penguasaan bahasa ini dikenali oleh McLaughin (1990) sebagai proses automatik dengan lingkungan tumpuan terhadap pelbagai bentuk bahasa tertentu. Proses ini dapat dipercepatkan dengan adanya hubungan dua hala yang kerap dan berterusan antara pengajar bahasa dengan pelajar bahasa, sehingga memperkukuhkan kemahiran berbahasa pelajar tersebut dengan mantap tanpa disengajakan. Si A tidak payah mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa

secara unit demi unit, pecahan demi pecahan, dan terlalu bertumpu pada proses analatikal tentang setiap kosa kata, penambahan, susunan perkataan, dan peraturan tatabahasa yang terdapat dalam bahasa tersebut, serta menempatkan pengetahuan tentang bahasa tersebut dalam “minda” A. Penguasaan bahasa akan diperolehi secara semula jadi dan semakin banyak interaksi antara si A dengan masyarakat sekelilingnya, semakin banyak pengukuhan penguasaan bahasa tersebut berlaku.

Suasana proses pembelajaran secara automatisiti ini telah berlaku dalam beberapa keadaan di dunia ini apabila kumpulan pelajar bahasa terdesak untuk menguasai sesuatu bahasa. Sebagai contohnya suasana proses pembelajaran bahasa secara terdesak berlaku di Amerika Syarikat pada Zaman Perang Dunia Ke-2. Ketika itu ketumbukan inteligen tentera marin Amerika memerlukan sekumpulan agen yang boleh bertutur dalam bahasa German bagi menjalankan aktiviti risikan di negara tersebut. Atas keperluan yang mendesak ini telah menyebabkan sekumpulan pelatih bahasa di Esat-West Center di Hawaii menukar sebahagian daripada bandar di pulau tersebut menjadi seperti sebuah bandar yang berada di negara German. Segala tanda jalan, nama bangunan, iklan jalanan, sistem siaraya dan sebagainya dalam bahasa German bagi menjadikan penuntut bahasa German seolah-olah sedang berada di negara tersebut. Kesan daripada kaedah interaktif ini terhadap penguasaan pelatih menguasai bahasa German amat besar. Dalam tempoh tiga bulan, para pelatih telah dapat menguasai bahasa German dengan baik sekali.

b) Pembelajaran secara bermakna

Hampir rapat dengan Prinsip Automatisiti ialah prinsip yang berasaskan teori pembelajaran kognitif yang ditegaskan oleh Ausubel (1963), iaitu kekuatan belajar secara bermakna, bertentangan dengan belajar secara penghafalan. Pembelajaran secara bermakna “mengelompokkan” maklumat baharu ke dalam struktur sedia ada dan sistem ingatan, serta mengakibatkan perkaitan berlaku menjadikannya lebih berkekalan. Proses

penghafalan bagi mendapatkan maklumat secara sedikit demi sedikit dan maklumat secara tidak berkaitan dengan struktur kognitif yang sedia ada, tidak akan dapat bertahan lama dalam minda. Semakin banyak yang dihafal, semakin banyak pula yang akan dilupakan oleh pelajar bahasa. Ini bertentangan dengan prinsip penguasaan bahasa secara bermakna dan berfungsi. Sebagai contoh yang mudah, kanak-kanak belajar bahasa secara bermakna kerana mereka perlu mengaitkan antara bunyi, perkataan, struktur, dan unsur wacana dengan apa sahaja yang berkaitan dan penting dalam kehidupan harian mereka, sama ada bagi memperoleh pengetahuan atau pun untuk terus wujud dan mendapat perhatian orang dewasa sekitarnya. Mereka tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal pemikiran dengan kukuh bagi mempelajari bahasa secara menghafal rumus dan peraturan bahasa. Cara penguasaan bahasa kanak-kanak adalah dengan meniru dan berulang-ulang (Vyangotsky, 1978) dan peniruan tersebut perlu disertai dengan makna yang khusus bagi tujuan komunikasi dengan orang dewasa di sekitarnya. Konsep “sokongan” yang disarankan oleh Vyangotsky ini menegaskan kanak-kanak bergantung pada orang dewasa untuk menguasai bahasa pada peringkat awalnya. Apabila penguasaan bahasa mereka telah kukuh, maka “sokongan” ini akan dilepaskan dan kanak-kanak tersebut dapat berdikari bagi menggunakan bahasa tersebut tanpa bantuan orang dewasa. Tambahan lagi, tanpa menguasai bahasa secara bermakna dan berfungsi begini, adalah sukar bagi mengekalkan penguasaan bahasa tersebut dalam diri seseorang pada jangka panjang. Oleh yang demikian, pendekatan interaktif adalah perlu bagi menjadikan pembelajaran bahasa dapat dilalui secara bermakna.

c) Prinsip mengharap ganjaran.

Skinner (1957) dan ahli teori behaviurisme yang lain telah memperlihatkan kekuatan dalam prinsip mengharap untuk mendapatkan ganjaran (dan mengelakkan hukuman) dalam perlakuan haiwan dan manusia. Berdasarkan teori ini, hampir

semua perkara yang kita lakukan adalah berdasarkan sesuatu matlamat atau tujuan. Menurut Skinner, harapan untuk mendapatkan ganjaran ini ialah faktor yang paling kuat bagi mengarahkan sesuatu perlakuan seseorang. Paradigma pencyarahan operan ini menurut Skinner boleh diringkaskan seperti berikut, manusia adalah secara alamiahnya diarahkan untuk bertindak dengan harapan mendapat sesuatu ganjaran, sama ada yang nyata atau pun tidak nyata, jangka pendek atau jangka panjang, yang akan menyusul akibat daripada perlakuan tersebut. Oleh yang demikian, interaksi yang kerap perlu agar murid sedar bahawa mereka akan mendapatkan ganjaran daripada pengajar dan hal ini amat penting bagi menentukan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan. Walaupun prinsip ini ditentang oleh ahli teori kognitif, namun dalam beberapa insiden, harapan untuk mendapatkan ganjaran dan mengelakkan hukuman masih lagi terpakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa masa ini. Proses interaktif inilah yang menjadi pendorong kepada proses pembelajaran bahasa berlaku dengan lebih berkesan.

d) Prinsip motivasi intrinsik

Prinsip ini agak bertentangan dengan prinsip mengharap kan ganjaran dari pihak lain yang didukung oleh ahli behaviourisme. Berdasarkan prinsip yang diasaskan oleh teori kognitif, ganjaran yang paling besar ialah bagi seseorang murid yang mempunyai motivasi intrinsik yang sangat kuat. Hal ini adalah kerana perlakuan tertera daripada keperluan, kemahuan, atau kehendak dari dalam diri seseorang, malahan kelakuan itu sendiri merupakan ganjaran yang dapat memuaskan diri sendiri (Deci, 1975). Oleh yang demikian, ganjaran yang ditawarkan oleh pihak lain tidak perlu untuk melakukan sesuatu tindakan (Brown, 1994). Jika semua murid mempunyai motivasi diri yang kuat, guru hanya berfungsi mengarahkan diri murid tentang apa yang mereka perlu pelajari, bukan bertugas mengajar sesuatu yang mereka harus pelajari. Hal ini juga bermaksud murid merupakan guru bagi diri mereka sendiri.

Interaksi sesama murid dalam satu suasana pembelajaran yang aktif amat perlu bagi meningkatkan motivasi diri ini.

2. Prinsip Afektif

a) Ego bahasa

Hidup manusia bukan sahaja perlu menggunakan daya kognitif semata-mata. Perasaan memainkan peranan yang penting dalam manusia menentukan hala tuju kehidupan mereka. Mempelajari sesuatu juga perlu melibatkan perasaan. Hal ini amat rapat dengan konsep yang dikenali Kecerdasan Emosi (EQ). Murid perlu melibatkan perasaan mereka ketika mempelajari bahasa. Perasaan yang akan menentukan sama ada seseorang akan berani untuk bertutur dalam bahasa yang dipelajarinya atau terus mendiamkan diri dalam kelas bahasa. Sebagai contohnya, murid yang dapat menghilangkan perasaan malu untuk menggunakan bahasa yang dipelajari di dalam bilik darjah akan lebih banyak menggunakan bahasa tersebut berbanding murid yang malu untuk bertutur kerana takut akan melakukan kesilapan yang dapat dikesan oleh pendengar. Jika perasaan malu terus menyelubungi murid tersebut, maka semakin kurangnya latihan untuk menggunakan bahasa tersebut dan semakin kurangnya kemahirannya dalam bahasa yang ingin dipelajarinya. Dalam hal ini guru perlulah memberikan semangat yang tinggi kepada murid agar tidak berasa malu untuk melakukan kesilapan, kerana pelajar akan banyak belajar daripada kesilapan sepanjang hayatnya dan berlatihlah untuk belajar daripada kesilapan bahasa dengan mengurangkan ego bahasa mereka. Menerusi pendekatan interaktif matlamat ini lebih mudah untuk dicapai.

b) Keyakinan diri

Dalam perkataan lain, merendahkan ego dan menanam keyakinan diri ialah prinsip yang bertentangan. Merendahkan ego bermaksud menghapuskan perasaan sombong diri demi kebaikan, sementara

menanamkan keyakinan diri bermaksud mempercayai bahawa seseorang itu dapat melakukan sesuatu seperti apa yang dilakukan oleh orang lain. Kedua-dua proses ini juga melibatkan EQ yang amat tinggi, terutama ketika mempelajari bahasa asing. Jauh di dalam perasaan seseorang akan tertanam kepercayaan bahawa dia akan dapat mencapai sesuatu yang dikehendakinya atau melaksanakan sesuatu tugas yang dibebankan kepadanya sekiranya dia dapat meyakinkan dirinya untuk melakukan demikian. Dalam konteks mempelajari bahasa, seseorang bukan sahaja mempercayai dirinya sendiri, malah dapat membuat penilaian diri dalam melaksanakan dan mencapai objektif sesuatu tugas tersebut.

c) Mengambil risiko

Prinsip afektif yang ketiga juga berkaitan ego bahasa dan yakin diri, iaitu kesanggupan untuk mengambil risiko dalam menggunakan bahasa yang dipelajari. Sekiranya seseorang sanggup untuk merendahkan ego bahasanya dan yakin terhadap kemampuan dirinya untuk menggunakan bahasa yang dipelajari, maka dengan sendirinya dia akan mengambil risiko untuk menggunakan bahasa yang dipelajari dalam konteks yang bermakna, menyoal dan melibatkan diri sepenuhnya dalam proses pembelajaran bahasa tersebut.

3. Prinsip linguitik

a) Kesan bahasa ibunda

Bahasa ibunda amat mempengaruhi penguasaan bahasa yang baharu dipelajari. Kita sering menganggap bahawa bahasa ibunda ialah faktor yang “menggangu” pembelajaran bahasa kedua. Hal ini demikian kerana murid bahasa kedua, iaitu murid bukan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di luar rumah. Mereka ini akan menganggap bahawa bahasa yang dipelajarinya tidak mempunyai ciri linguitik yang sama seperti bahasa ibunda. Sebaliknya, apa yang berlaku ialah, bahasa ibunda

sebenarnya dapat digunakan bagi membantu murid bahasa kedua mencari landasan dalam penghasilan bahasa yang dipelajarinya. Kesilapan yang dilakukan oleh murid yang diakibatkan oleh gangguan bahasa ibunda ini boleh dijadikan sebagai landasan pedagogi oleh guru bahasa dalam kelasnya. Guru boleh memfokuskan perbandingan antara pelbagai bahasa dalam pengajaran, dan ini akan menjadikan pelajar dapat menggunakan bahasa ibunda sebagai landasan bagi mempelajari bahasa kedua dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian interaksi perlu antara guru dan murid bagi memahami ciri-ciri linguistik bahasa ibunda dalam proses pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi kumpulan murid ini.

b) Antara bahasa

Kanak-kanak menguasai bahasa secara beransur-ansur pada tahap yang bersistematik daripada segi penyerapan bunyi bahasa, perbendaharaan kata, struktur ayat dan bentuk wacana. Murid bahasa juga menguasai bahasa dengan cara yang sama. Mereka akan menguasai bahasa secara sistematik atau separa-sistematik sepanjang waktu mereka mempelajari sesuatu bahasa menerusi pertembungan bahasa, iaitu percampuran antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran, atau disebut sebagai antara bahasa. Ini bermaksud, pada mata minda murid bahasa itu, dalam proses antara bahasa sesuatu bahasa yang dihasilkan oleh mereka adalah betul, walaupun pada peraturan bahasa sasaran tidak begitu. Walaupun pada dasarnya kesilapan ini boleh diperbetulkan dengan sendiri oleh murid bahasa, pengajaran guru akan dapat mengurangkan tempoh pembetulan ini dengan teknik pengajaran yang telah disusun dan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan guru bahasa tentang perkara tersebut. Oleh yang demikian antara bahasa bertindak sebagai penghubung antara bahasa ibunda murid dengan bahasa sasaran yang baharu dipelajari. Guru bahasa adalah sumber rujukan murid dalam menentukan pertembungan bahasa secara interaktif tersebut tidak menjadi penghalang dalam penguasaan bahasa baharu yang dipelajari.

d) Kemahiran berkomunikasi yang berinteraktif

Sekiranya matlamat mempelajari sesuatu bahasa adalah untuk membolehkan murid berkomunikasi dengan menggunakan bahasa sasaran, maka pengajaran dalam bilik darjah haruslah menyediakan satu suasana yang dapat memberikan peluang kepada mereka untuk berinteraksi antara satu sama yang lain. Antara komponen komunikasi yang perlu diambil perhatian ialah organisasi bilik darjah, pragmatik kandungan bahasa yang perlu dikuasai, strategi pengajaran, dan psikomotor yang perlu diamalkan oleh murid. Matlamat komunikasi akan dapat dicapai dengan lebih baik sekiranya tumpuan diberikan pada bahasa yang digunakan, bukan sahaja penggunaan bahasa, kelancaran bukan ketepatan, konteks bahasa yang sebenar dan murid akan dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam bilik kuliah dalam dunia luar yang sebenar. Pendidikan bahasa secara interaktif Isu yang berkait pendekatan dalam pendidikan bahasa menjadi bertambah rumit dengan terdapatnya perubahan yang besar dalam kehidupan hari ini. Murid bukan sahaja diharapkan dapat mempelajari bahasa seperti yang ditetapkan oleh pelbagai tajuk dalam kurikulum dan dapat melaksanakan aktiviti bahasa seperti yang disarankan oleh buku teks yang disediakan, malah mereka diharapkan dapat menggunakan bahasa tersebut dalam situasi “kehidupan sebenar”. Tugas belajar menguasai kemahiran berbahasa tidak tamat apabila tamatnya sesuatu kelas bahasa. Tugas ini berterusan di luar kelas dan mereka diharapkan dapat terus menggunakan teknik mempelajari kemahiran berbahasa ini sepanjang hayat. Ini bermaksud murid diharapkan dapat menggunakan teknik menguasai kemahiran berbahasa di dalam pelbagai situasi dan dapat pula menggunakan serta menyesuaikan diri mereka bagi mempelajari kemahiran tersebut di luar kelas. Hal ini demikian bagi memperkukuhkan kemahiran berbahasa supaya mereka dapat berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain. Mereka diharapkan mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir secara kritikal bagi menyelesaikan masalah dalam kehidupan.

Nunan (1991) menggariskan lima ciri pengajaran bahasa secara interaktif, iaitu:

1. Penegasan terhadap penguasaan berkomunikasi menerusi teknik berinteraksi dengan murid lain dalam bahasa sasaran.
2. Pengenalan terhadap teks yang autentik dalam suasana pembelajaran.
3. Memperuntukkan peluang kepada murid untuk bukan sahaja memberi tumpuan terhadap proses memahami bahasa, tetapi memahami proses mempelajari bahasa tersebut.
4. Pengiktirafan terhadap pengalaman peribadi murid sebagai satu sumbangan yang penting dalam proses pembelajaran.
5. Melakukan usaha untuk menghubungkan pembelajaran bahasa dengan aktiviti di luar bilik kuliah. Penegasan terhadap aktiviti berinteraksi dengan murid lain memberi peluang kepada seseorang murid membiasakan diri mereka dengan cara bagaimana bahasa itu sebenarnya digunakan dalam suasana yang sebenar.

Hal ini demikian kerana mempelajari bahasa bukan sahaja mempelajari struktur, bunyi dan perkataan semata-mata, tetapi yang lebih utama ialah mempelajari bagaimana untuk berkomunikasi. Usaha untuk berkomunikasi perlu dilakukan pada tahap awal lagi. Penggunaan teks yang autentik amat perlu dalam merangsang pembelajaran bahasa secara interaktif. Teks yang dipetik daripada bahan sastera, akhbar, majalah, dan buku yang ditulis dalam bahasa sasaran secara asli memberikan pendedahan yang kaya kepada murid terhadap penggunaan bahasa sasaran dalam pelbagai ragam dan gaya. Penggunaan bahan sastera, sebagai contohnya dapat memperlihatkan kekayaan sintaksis bahasa sasaran, di samping dapat menghayati penggunaan bahasa figuratif yang beragam. Pendedahan begini lebih berkesan dalam

memperkayakan perbendaharaan kata murid, di samping dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran bahasa sasaran. Memahami proses pembelajaran ialah satu teknik yang amat berkesan bagi memahami bagaimana seseorang dapat menguasai bahasa, terutama bahasa kedua atau bahasa asing. Seseorang yang dapat mengawal pembelajarannya bermaksud dia mengetahui apakah yang tidak diketahuinya, tahu apa yang telah diketahuinya, dan mahu tahu dengan lebih mendalam tentang perkara yang belum diketahuinya. Proses metakognitif ini telah terbukti menerusi banyak kajian yang dilakukan bagi pembelajaran bahasa pelbagai peringkat (Mahzan Arshad 1999). Murid bahasa yang berjaya juga menggunakan pengalaman peribadinya dalam menguasai sesuatu bahasa sasaran. Pemindahan daripada bahasa jati kepada bahasa sasaran kerap berlaku dalam proses mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

Pemindahan ini boleh mendatangkan kesan negatif dan juga kesan positif. Kesan negatif ialah, bahasa jati menjadi penghalang terhadap penguasaan sintaksis bahasa sasaran kerana ciri-ciri sintaksis bahasa jati tersebut amat berbeza daripada bahasa sasaran. Namun demikian, kesan positif juga berlaku akibat pemindahan ini, terutama dalam mempelajari bahasa asing yang ketiga dan seterusnya. Pengalaman mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua yang pertama dapat digunakan bagi menguasai bahasa asing atau bahasa kedua yang selanjutnya. Oleh yang demikian seseorang murid bahasa asing atau bahasa kedua yang berjaya, dengan mudah dapat menguasai bahasa asing yang lain, terutama sekiranya bahasa asing yang lain tersebut mempunyai ciri-ciri sintaksis yang sama. Salah satu kegagalan dalam mempelajari bahasa ialah kegagalan mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam bilik kuliah dengan bahasa yang digunakan dalam alam yang sebenarnya. Murid sekolah di Malaysia contohnya, telah mengalami pembelajaran bahasa Inggeris selama sebelas tahun di sekolah, dengan jumlah masa lima kali seminggu selama tiga hingga empat puluh minit bagi setiap masa. Walaupun masa yang begini banyak digunakan untuk mempelajari bahasa Inggeris,

namun ramai di antara murid ini tidak dapat menggunakan bahasa tersebut dengan penuh keyakinan apabila mereka tamat sekolah.

Antara faktor kegagalan ini ialah pendekatan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah lebih ditumpukan untuk memenuhi syarat kurikulum dan peperiksaan. Sementara itu kebolehan murid untuk berkomunikasi secara berkesan dan yakin amat sedikit ditegaskan oleh guru dalam bilik darjah. Oleh itu pendekatan komunikasi dan kaedah interaktif perlu ditekankan dalam pendidikan bahasa di peringkat institusi pendidikan di Negara ini bagi mengatasi masalah pelajar yang tidak berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam sesuatu bahasa yang dipelajari.

Peranan guru dalam pendekatan interaktif

Guru memainkan peranan yang penting dalam mengamalkan pendekatan interaktif di sekolah. Peranan guru bukan sahaja dilihat sebagai pengubal kurikulum kursus bahasanya tetapi sebagai pelaksana kurikulum tersebut di bilik darjah. Berikut ialah beberapa peranan yang mungkin di antaranya diperlukan oleh guru yang mahu mengamalkan pendekatan ini.

1. Guru sebagai pengawal

Tugas sebagai “pengawal” ini memang diperlukan dalam institusi pendidikan yang tradisional. Guru menentukan apa yang perlu pelajar lakukan, bila masanya murid perlu bercakap, dan apakah bentuk persembahan bahasa yang boleh dilakukan oleh murid. Mereka seolah-olah menentukan apa yang perlu dipertuturkan oleh murid berdasarkan jawapan yang telah disediakan terlebih dahulu atau berdasarkan bahasa yang “betul” seperti yang dikehendaki. Namun demikian, bagi membolehkan interaksi berlaku menggunakan pendekatan ini, guru perlu menyediakan suasana yang spontan, murid menggunakan bahasa yang mereka rasakan selesai, dan daya ekspresi murid yang kurang terkongkong oleh jawapan atau persembahan yang diharapkan guru. Walaupun demikian, beberapa perkara perlu dikawal oleh guru untuk

melaksanakan pendekatan ini, terutama dalam perancangan pengajaran. Antaranya adalah apakah teknik yang sesuai digunakan bagi merangsang murid supaya berupaya berinteraksi, menentukan arah yang akan dicapai bagi setiap pengajaran, dan masa bagi setiap kandungan yang akan diliputi. Guru serba sedikit perlulah mengawal agar pengajaran dapat dijalankan dengan sempurna.

2. Guru sebagai pengarah

Seperti dalam mana-mana perlakuan dalam hidup, kelas bahasa juga merupakan satu pentas tempat murid bahasa melakonkan aksi yang berhubung penggunaan bahasa yang dipelajari. Guru dalam kelas yang menggunakan pendekatan interaktif perlu berperanan sebagai pengarah yang menggerakkan lakonan pelajar. Ketika murid beraksi, tugas guru ialah mengarahkan lakonan mereka bergerak lancar dari satu babak ke satu babak yang lain. Matlamat akhir pengarah yang sedemikian ialah bagi membolehkan murid terlibat dalam drama improvisasi daripada kehidupan yang sebenar kerana setiap peristiwa komunikasi yang dialami murid menambah pengalaman penggunaan bahasa yang baharu.

3. Guru sebagai pengurus

Guru sebagai seorang pengurus yang bertanggungjawab untuk merancang sesuatu pengajaran, modul, atau kursus dan sebagai seorang pemandu yang menentukan arah tuju sesuatu pengajaran bahasa. Guru mengatur perancangan aktiviti murid yang juga menentukan bahawa murid bergerak pada lingkungan parameter kandungan kurikulum ketika menjayakan pendekatan interaktif ini. Sebagai seorang pengurus yang berjaya guru perlu mempunyai keupayaan membawa orang yang di bawah pengurusannya mencapai objektif dan akhirnya mencapai matlamat kurikulum bahasa yang dijalankan.

4. Guru sebagai fasilitator

Guru dalam sebuah bilik kuliah yang mengamalkan pendekatan interaktif bukan seorang pengajar yang menyampaikan maklumat atau memberikan arahan kepada murid melakukan sesuatu tindakan semata-mata. Guru perlu melepaskan tugas menunjukkan arah yang perlu dituju oleh murid dan bertindak sebagai pemandu yang berjalan di belakang sambil memberikan sedikit klu agar murid mencari jalannya sendiri menerusi kaedah eksplorasi. Murid harus belajar menerusi pengalaman menggunakan bahasa dan membuat kesilapan yang akhirnya mereka sedar akan kesilapan tersebut, lalu membetulkannya. Cara belajar begini lebih besar kesannya dan lebih lama diingati oleh pelajar daripada belajar secara pasif.

5. Guru sebagai sumber.

Guru menjadi bahan sumber yang hidup dalam bilik kuliah bahasa yang mengamalkan pendekatan interaktif. Murid akan datang kepada guru untuk membuat rujukan atau mendapat “nasihat”. Guru secara literalnya akan bertindak sebagai kamus bergerak atau buku rujukan tatabahasa setiap kali murid menghadapi masalah semantik atau sintaksis. Namun demikian, guru juga berperanan sebagai pakar pedagogi yang akan mengawal, merancang, dan mengurus bilik kuliah agar proses pembelajaran bergerak ke arah yang ditentukan dalam objektif pelajaran atau matlamat kursus. Sebagai sumber, tugas guru menjadi lebih mencabar kerana guru seolah-olah menggantikan kamus, buku rujukan tatabahasa, atau buku pedagogi.

PENUTUP

Makalah ini telah membincangkan pendekatan yang berteraskan interaksi antara murid dengan guru dan murid dengan murid dalam pendidikan bahasa di sekolah. Pada awal makalah, penulis telah membincangkan tentang pendekatan bersepadu dan berinteraktif serta beberapa prinsip asas dalam pengajaran bahasa yang

berteraskan kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian seterusnya penulis telah memperkenalkan pendekatan interaktif yang berasaskan teori komunikasi dan berfikir secara kritikal. Pada bahagian akhirnya penulis telah membincangkan pelbagai teknik yang boleh digunakan bagi menjalankan pengajaran berasaskan pendekatan ini. Diharapkan pendedahan yang diberikan dalam makalah ini berkaitan pendekatan interaktif akan dapat dijadikan panduan pendidik bahasa bagi meningkatkan kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritikal dalam kalangan murid mereka.

RUJUKAN

- Ausubel, D.A (1963) "Cognitive structure and facilitation of meaningful verbal learning" *Journal of Teacher Education*, 14, Hlm. 217-221
- Brown, H.D (1994) *Principle of language learning and teaching* (3rd Ed.) White Plain, NY: Prentice Hall Regents.
- Brozo, W.G. (1999) *Readers, teachers, learners: Expanding literacy across content areas*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Deci, E.L. (1975) *Intrinsic motivation*. USA: Plenum Press.
- Mahzan Arshad (1999) Alternative education to learning Malay Language. *Laporan Penyelidikan IRPA* No. 03-02-07, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- McLaughlin, B. R (1990) "'Conscious' versus 'unconscious' learning." *TESOL Quarterly*, 24, Hlm. 617-634
- Nunan, D. (1991) "Communicative task and the language curriculum." *TESOL Quarterly* 25(2), Hlm. 279-295.
- Vyangotsky, L.S. (1978) *Mind in society*. Cambridge, M.A.: Harvard University Press.